

05 MAR 2003

Chong-Musa

MUSA MEMANGKU JAWATAN KETUA MENTERI SABAH MULAI HARI INI

KOTA KINABALU, 5 Mac (Bernama) -- Datuk Musa Aman akan memangku jawatan Ketua Menteri Sabah mulai hari ini sehingga beliau mengambil alih jawatan itu secara rasmi pada 27 Mac, kata Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat hari ini.

"Saya sudah maklumkan kepada kabinet hari ini bahawa Musa akan memangku jawatan Ketua Menteri dan beliau akan diberi sokongan penuh anggota kabinet," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat kabinet negeri di sini hari ini.

Mesyuarat hari ini adalah yang terakhir bagi Chong selaku Ketua Menteri.

Chong berkata beliau akan bercuti mulai esok. Sepanjang percutiannya, Chong akan melakukan lawatan kerja yang berkaitan pelancongan dan perdagangan ke Filipina dan China.

Semasa ketiadaannya, Musa yang juga Menteri Kewangan, akan mempengerusikan mesyuarat kabinet negeri.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menamakan Musa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri sebagai pengganti Chong berdasarkan sistem penggiliran jawatan ketua menteri.

Sambil memperakui bahawa akan berlaku beberapa perubahan, Chong mempunyai keyakinan penuh terhadap keupayaan Musa untuk mengetuai negeri dan meneruskan dasar-dasar pentadbiran negeri.

Mengenai isu rombakan kabinet berikutan peralihan kepimpinan, Chong berkata terpulang kepada Musa untuk membentuk kabinet negeri.

"Kita sudah pastikan pengganti dan itu yang penting. Mengenai (rombakan) anggota kabinet, itu bukanlah satu masalah. Saya rasa apabila Datuk Musa mengambil alih jawatan itu, maka beliau akan menentukan pasukan yang mantap, khusus untuk menghadapi pilihan raya negeri," katanya.

Pilihan raya negeri Sabah mesti diadakan selewat-lewatnya Mac 2004.

Ditanya mengenai barisan kabinet sedia ada, Chong berkata ada beberapa "orang yang sangat bagus" dalam senarai itu.

Chong juga berterima kasih kepada Dr Mahathir dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di atas pelantikan Musa, yang menamatkan spekulasi selama berbulan-bulan mengenainya di Sabah.

"Saya gembira kerana peralihan kepimpinan berjalan lancar," kata Chong.

-- BERNAMA

JS LAT